

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, May 9, 2019 1:54 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pelajar Program Asasi Pengurusan Diingatkan Jadi Suri Teladan Baik Kepada Masyarakat



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

9 MEI 2019 / 4 RAMADAN 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nur Shazwani Shariffudin
Gambar oleh: Pusat Asasi Pengurusan

PELAJAR PROGRAM ASASI PENGURUSAN DIINGATKAN JADI SURI TELADAN BAIK KEPADA MASYARAKAT



UUM ONLINE: "Saya mahu semua pelajar program Asasi Pengurusan yang akan menamatkan pengajian pra-ijazah ini menjadi suri teladan yang baik kepada masyarakat dalam pelbagai aspek.

"Kekalkan kecemerlangan sama ada dalam akademik, kokurikulum, sahsiah dan juga bakat kepimpinan yang ada," kata Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali pada *Asasi Dinner & Appreciation Night 2019* di TH Hotel, Alor Setar, baru-baru ini.

Menurutnya, beliau mahu graduan anak didik Program Asasi Pengurusan kohort kelima ini bergraduasi sebagai graduan ijazah kelas pertama dalam konvokesyen UUM nanti.

Majlis anjuran Pusat Asasi Pengurusan itu bertujuan meraikan pelajar Program Asasi Pengurusan yang bakal menamatkan pengajian pra-ijazah selama satu tahun di UUM dan menghargai sumbangan staf akademik serta staf pentadbiran.

Seramai 204 pelajar Program Asasi Pengurusan telah menerima sijil tamat pengajian yang disampaikan Pengarah Pusat Asasi Pengurusan, Prof. Madya Dr. Munif Zarrirudin Fikri Nordin.

Selain itu, beberapa anugerah kepada pelajar turut disampaikan iaitu Anugerah Tunas Bestari Intelek, Anugerah Pelajar Cemerlang Akademik, Anugerah Tokoh Pelajar, Anugerah Sumbangsih, Anugerah Pelajar Berdedikasi Tinggi dan Anugerah Exco Terbaik.

Selain itu, Anugerah Tenaga Pengajar Terbaik, Anugerah Mentor Pelajar Terbaik dan Anugerah Staf Pentadbiran Terbaik.

Semua penerima anugerah menerima sijil dan plak yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Hendrik yang mewakili Naib Canselor.

Dalam majlis tersebut, Pusat Asasi Pengurusan turut meraikan mantan Ketua Penolong Pengarah Pusat Asasi Pengurusan, Faizah Hashim yang bertukar jabatan dan empat (4) staf yang akan bersara serta menamatkan perkhidmatan iaitu Prof. Dr. Abd Razak Yaakub, Mhd Fauzi Ahmad, Ahmad Puat Abd Hamid dan Zurida Azahari.

Asasi Dinner & Appreciation Night turut diserikan dengan persembahan nyanyian dan deklamasi sajak oleh pelajar serta cabutan bertuah.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Dr. Massudi Mahmuddin; Pengarah Pusat Budaya dan Seni, Huzaidy Hussain; Pengarah Pusat Sukan, Za'im Ahmad dan Pengetua Inasis TNB, Mohd Idzwan Yacob serta tenaga pengajar Program Asasi Pengurusan Semester 1 hingga Semester 3 Sesi 2018/2019.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.